



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

**ARAHAN DAN PANDUAN PENDAFTARAN
CALON *MUET EXPRESS* (MeX)**

**BAHAGIAN PEMBINAAN DAN
PENGENDALIAN KOMPETENSI
MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

TARIKH KEMASKINI: 21 MAC 2025

**ARAHAN DAN PANDUAN PENDAFTARAN CALON
MUET EXPRESS (MeX)**

Kandungan

Bil	Perkara	Halaman
1.	Syarat kelayakan untuk menduduki ujian MeX	1
2.	Tempoh sah laku keputusan ujian MeX	1
3.	Komponen ujian MeX	1
4.	Bayaran untuk menduduki ujian MeX	1
5.	Tarikh pendaftaran dan tarikh ujian MeX	1
6.	Cara pendaftaran calon ujian MeX	1
7.	Calon Berkeperluan Khas (CBK)	1
8.	Angka giliran calon dan pusat ujian MeX	2
9.	Slip daftar MeX (MeX/D)	2
10.	Pembetulan maklumat calon	2
11.	Pertukaran pusat ujian MeX	3
12.	Ujian Lisan MeX secara dalam talian	3
13.	Penarikan diri	4
14.	Penangguhan ujian MeX	4
15.	Keputusan ujian MeX	5
16.	Sijil MeX secara dalam talian (e-SIJIL)	5
17.	Rayuan penyemakan semula keputusan ujian MeX	6
18.	Kehilangan Sijil MeX	7

1 SYARAT KELAYAKAN UNTUK MENDUDUKI UJIAN MeX

Tiada sebarang syarat yang dikenakan untuk menduduki ujian MeX.

2 TEMPOH SAH LAKU KEPUTUSAN UJIAN MeX

Tempoh sah laku keputusan ujian MeX ialah **lima tahun** mulai tarikh keputusan ujian MeX dikeluarkan.

3 KOMPONEN UJIAN MeX

Kertas yang ditawarkan dalam ujian MeX meliputi empat komponen seperti yang berikut:

Kod Kertas	Nama Kertas
800/1	<i>Listening</i> (50 minit)
800/2	<i>Speaking</i> (30 minit)
800/3	<i>Reading</i> (75 minit)
800/4	<i>Writing</i> (75 minit)

Maklumat lanjut berhubung MeX, sila rujuk Peraturan dan Spesifikasi Ujian (*Regulations and Test Specifications*) yang dapat diperoleh melalui portal Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) di <http://www.mpm.edu.my>.

4 BAYARAN UNTUK MENDUDUKI UJIAN MeX

Bayaran yuran untuk menduduki ujian MeX adalah seperti yang berikut:

Calon Warganegara	:RM800.00
Calon Bukan Warganegara	:RM1600.00

5 TARIKH PENDAFTARAN DAN TARIKH UJIAN MeX

Kalendar MeX dapat diperoleh dan dicetak daripada portal MPM di <http://www.mpm.edu.my> untuk mengetahui tarikh pendaftaran, tarikh ujian *Speaking*, dan tarikh Ujian Bertulis.

6 CARA PENDAFTARAN CALON UJIAN MeX

6.1 Pendaftaran calon adalah secara talian sahaja melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my> atau pautan di <http://apps.mpm.edu.my/mod/public/register>.

6.2 Pendaftaran boleh dilakukan selepas jam 10.00 pagi pada hari pendaftaran.

7 CALON BERKEPERLUAN KHAS (CBK)

7.1 Calon Berkeperluan Khas (CBK) dari segi **penglihatan** (buta atau rabun), **anggota** (spastik), **pendengaran** (kurang dengar/pekak), **pertuturan** (sengau/gagap), dan selain daripada yang dinyatakan hendaklah dimaklumkan ke MPM.

- 7.2 Maklumat tentang ketidakupayaan dan keistimewaan yang dipohon hendaklah dimaklumkan dengan jelas dan lengkap dalam **Borang Maklumat Calon Cacat Penglihatan (Buta)**, iaitu **MeX/C5 (Pindaan 2025)** atau **Borang Maklumat Calon Istimewa**, iaitu **MeX/C6 (Pindaan 2025)** (mana-mana yang berkenaan) mengikut jenis ketidakupayaan yang dapat diperolehi dan dicetak daripada portal MPM. Sila sertakan salinan dokumen sebagai bukti ketidakupayaan yang dialami seperti laporan perubatan, Kad Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan pengesahan Pengetua/Ketua Jabatan (jika calon sekolah/institusi).
- 7.3 Kemudahan dan keistimewaan yang boleh diberikan kepada calon CBK hanya akan dipertimbangkan jika borang **MeX/C5 (Pindaan 2025)** atau **MeX/C6 (Pindaan 2025)** (mana-mana yang berkenaan) diterima oleh MPM melalui e-mel mex@mpm.edu.my **14 hari sebelum hari ujian**. Kelewatan penghantaran borang tersebut akan menyebabkan calon tidak akan mendapat kemudahan dan keistimewaan yang sepatutnya.
- Untuk mendapatkan borang yang berkaitan, sila klik [MeX/C5 \(Pindaan 2025\)](#) atau [MeX/C6 \(Pindaan 2025\)](#)

8 ANGKA GILIRAN CALON DAN PUSAT UJIAN MeX

Angka giliran calon akan ditetapkan oleh MPM. Angka giliran calon ini akan diberitahu melalui Slip Daftar MeX (MeX/D)

9 SLIP DAFTAR MeX (MeX/D)

- 9.1 Pengesahan butiran pendaftaran calon untuk menduduki ujian MeX akan diberitahu kepada calon dalam Slip Daftar MeX (MeX/D) melalui portal MPM atau pautan terus di <http://apps.mpm.edu.my/mod/public/register> selepas calon selesai membuat pendaftaran.
- 9.2 Calon perlu **menyemak dan mencetak MeX/D sendiri** dan **membawanya ke pusat ujian** pada hari ujian sebagai tiket untuk menduduki ujian.
- 9.3 Calon hendaklah menyemak butiran yang tercatat pada MeX/D seperti nombor pengenalan diri, ejaan nama, angka giliran, pusat untuk menduduki ujian, tarikh, dan waktu ujian.

10 PEMBETULAN MAKLUMAT CALON

- 10.1 Calon hendaklah menyemak maklumat pendaftaran pada MeX/D yang boleh dicetak dan disimpan dalam format pdf sebaik sahaja melengkapkan pendaftaran dalam talian bagi memastikan semua maklumat adalah betul. Sekiranya terdapat maklumat yang silap, calon boleh memohon pembetulan maklumat secara manual.
- 10.2 Calon boleh membuat pindaan maklumat seperti **nama dan nombor kad pengenalan** sekiranya terdapat kesilapan pada **Slip Daftar MeX (MeX/D)** atau **Sijil MUET**.

- 10.3 Calon perlu menghantar borang permohonan **MeX/C9** ke e-mel mex@mpm.edu.my.
Untuk mendapatkan borang **MeX/C9**, sila klik [di sini](#).
- 10.4 Permohonan pindaan ini perlu dihantar **dalam tempoh pendaftaran MeX sesi yang berkenaan** bagi mengelakkan dikenakan caj. Sebarang permohonan yang diterima **selepas tutup tarikh pendaftaran MeX bagi sesi yang berkenaan** akan dikenakan bayaran **RM50.00 per calon**. Bayaran hendaklah dibuat secara **perbankan internet** yang akan dimaklumkan melalui e-mel. Calon akan mendapat MeX/D baharu dengan maklumat yang telah dipinda.
- 10.5 **MeX/D dengan maklumat yang silap, sah digunakan untuk menduduki MeX.** Pembetulan maklumat juga hendaklah dimaklumkan kepada Ketua Pengawas di pusat ujian untuk dicatatkan dalam Buku Rekod Pengawasan. Pembetulan hanya akan dibuat pada Sijil MUET yang akan dikeluarkan kelak sekiranya MPM menerima borang MeX/C9 berserta bayaran **RM50.00**.
- 10.6 Calon hendaklah menggunakan nombor pengenalan diri yang sama semasa ujian kelak. Sebarang kesilapan akan menimbulkan salah faham dengan Pengawas dan akan menyusahkan calon sendiri.

11 PERTUKARAN PUSAT UJIAN MeX

- 11.1 Pertukaran dari satu pusat ujian ke satu pusat ujian yang lain adalah sangat terhad dan bergantung kepada kapasiti pusat ujian yang masih mempunyai kekosongan dan boleh menampung calon selepas pusat ujian dikemaskini.
- 11.2 Permohonan pertukaran pusat ujian ini adalah untuk **SEMUA KERTAS sahaja** (*Listening, Speaking, Reading, dan Writing*) dan perlu memohon melalui e-mel mex@mpm.edu.my.
- 11.3 Permohonan pertukaran ini perlu dihantar **dalam tempoh pendaftaran MeX sesi yang berkenaan** bagi mengelakkan dikenakan caj. Sebarang permohonan yang diterima **selepas tutup tarikh pendaftaran MeX bagi sesi yang berkenaan** akan dikenakan bayaran **RM50.00 per calon** melalui perbankan internet yang akan dimaklumkan melalui e-mel, sekiranya permohonan diluluskan.
- 11.4 Calon yang berjaya menukar pusat ujian hendaklah menyemak MeX/D baharu yang akan dikemaskinikan di portal MPM **dua (2) hari sebelum hari ujian**. MeX/D yang terdahulu adalah **terbatal**.

12 UJIAN LISAN MeX SECARA DALAM TALIAN

- 12.1 Sila rujuk Kalendar MeX untuk mengetahui tarikh Ujian Lisan secara dalam talian bagi setiap sesi ujian.
- 12.2 Calon boleh memilih untuk menduduki Ujian Lisan secara bersemuka atau dalam talian sewaktu calon mendaftar MeX melalui portal MPM.

- 12.3 Calon dikehendaki untuk menyemak e-mel yang didaftarkan **3 hari** sebelum hari Ujian Lisan secara dalam talian.
- 12.4 Sila rujuk **Jadual Waktu Ujian Lisan dalam Talian, Panduan untuk Ujian Lisan dalam Talian**, dan **Buku Panduan Zoom** di portal MPM.
- 12.5 Calon yang memohon untuk menukar tarikh Ujian Lisan MeX adalah tidak akan dilayan.

13 PENARIKAN DIRI

- 13.1 Calon yang menarik diri daripada menduduki ujian MeX tidak akan dikembalikan yuran peperiksaannya.
- 13.2 Yuran ujian hanya akan dikembalikan bagi kes yang berikut:
 - 13.2.1 Calon yang **sakit berpanjangan**. Surat pengesahan daripada Pegawai Perubatan Kerajaan hendaklah dikemukakan.
 - 13.2.2 Calon menghadapi masalah pada sistem gerbang pembayaran.
 - 13.2.3 Calon yang berjaya menyambung pelajaran ke IPTA/IPTS. Surat tawaran hendaklah dikemukakan.
 - 13.2.4 Calon mengemukakan sebab lain yang munasabah, tertakluk kepada kelulusan MPM.
- 13.3 Calon yang ingin menuntut pengembalian yuran MeX hendaklah mengemukakan permohonan melalui e-mel modrefund@mpm.edu.my berserta Slip Pendaftaran calon (MeX/D), penyata akaun bank milik calon, dokumen sokongan rasmi, dan bukti pembayaran yang sah.
- 13.4 Jumlah yuran yang bakal dikembalikan akan ditentukan oleh MPM dan yuran hanya akan dikembalikan selepas sesuatu sesi ujian itu tamat. Pengembalian yuran ujian yang dipohon **selepas tempoh 30 hari** daripada tarikh ujian **tidak akan dilayan**.

14 PENANGGUHAN UJIAN MeX

- 14.1 Calon tidak dibenarkan untuk menangguhkan peperiksaan awam atas **sebab peribadi**.
- 14.2 Permohonan penangguhan ujian MeX adalah untuk **SEMUA KERTAS sahaja** (*Listening, Speaking, Reading, dan Writing*) dan perlu memohon melalui e-mel mex@mpm.edu.my berserta:
 - 14.2.1 Surat rasmi permohonan
 - 14.2.2 Dokumen rasmi berkaitan sebagai sokongan kepada permohonan
 - 14.2.3 Slip Pendaftaran (MeX/D)

- 14.3 Permohonan tanpa dokumen sokongan rasmi tidak akan diproses
- 14.4 MPM berhak menentukan sama ada permohonan penangguhan ini diluluskan atau tidak, tertakluk kepada sebab yang munasabah. **Keputusan MPM adalah muktamad.**
- 14.5 Sekiranya diluluskan, maka penangguhan hanya dibenarkan untuk sesi bulan berikutnya sahaja (tidak boleh melangkau dua sesi ujian).
- 14.6 Permohonan akan dikenakan bayaran **RM300.00 per calon untuk warganegara dan RM600.00 per calon untuk bukan warganegara (bayaran asas).**
- 14.7 Jika pusat asal ujian MeX yang didaftarkan tiada pada sesi baharu, caj Perpindahan Pusat Ujian akan dikenakan **RM50.00 per calon** dan calon akan didaftarkan di pusat ujian yang terdapat kekosongan.
- 14.8 Sekiranya diluluskan, kelulusan penangguhan tarikh ujian MeX yang diberikan kepada calon hanyalah **sekali sahaja**. Jika calon tidak menghadirkan diri pada tarikh baharu yang ditetapkan, **calon perlu mendaftar baharu dan tidak dibenarkan pengembalian yuran.**

15 KEPUTUSAN UJIAN MeX

- 15.1 Keputusan akan dikeluarkan dalam tempoh **dua (2) hari bekerja** dari tarikh ujian.
- 15.2 Calon juga boleh menyemak keputusan ujian MeX melalui portal MPM atau pautan terus di <https://mecea.mpm.edu.my/MODR/> mulai jam **4:00 petang** pada tarikh keputusan MeX diumumkan.
- 15.3 Slip keputusan ujian MeX boleh dimuat turun dan dicetak melalui pautan yang sama.

16 SIJIL MeX SECARA DALAM TALIAN (e-SIJIL)

- 16.1 Berkuat kuasa mulai **Ujian MeX Sesi Oktober Tahun 2024**, calon boleh memuat turun dan mencetak Sijil MUET secara dalam talian (e-SIJIL) melalui portal Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) di <https://sijil.mpm.edu.my>. Tiada lagi Sijil MUET dalam bentuk salinan cetak atau salinan keras (*hardcopy*) akan dikeluarkan dan dihantar kepada calon oleh MPM.
- 16.2 Calon boleh **memuat turun dan mencetak sendiri** e-SIJIL masing-masing mulai jam **4:00 petang** pada tarikh keputusan ujian MeX diumumkan.
- 16.3 Manual untuk memuat turun dan mencetak e-SIJIL untuk rujukan calon disediakan dalam sistem e-SIJIL.

- 16.4 Walau bagaimanapun, calon masih boleh memohon Sijil MUET dalam bentuk salinan cetak (*hardcopy*) daripada MPM, tetapi caj sebanyak **RM60.00** (termasuk caj pengeposan) akan dikenakan. Permohonan bagi mendapatkan Sijil MUET dalam bentuk salinan cetak perlu dibuat melalui sistem e-SIJIL.
- 16.5 Calon boleh memuat turun dan mencetak e-SIJIL MUET secara **percuma** dalam tempoh **dua tahun** dari tarikh keputusan MUET dikeluarkan. Sehubungan itu, calon dinasihatkan untuk memuat turun dan menyimpan e-SIJIL MUET masing-masing bagi mengelakkan calon dikenakan caj selepas tempoh tersebut. Ini kerana selepas tempoh dua tahun tersebut, permohonan untuk memuat turun e-SIJIL MUET akan dikenakan caj sebanyak **RM20.00**.
- 16.6 Calon juga boleh menyemak keputusan ujian MUET sesi sebelum yang telah diduduki untuk tempoh **lima tahun ke belakang** melalui sistem e-SIJIL. Walau bagaimanapun, caj sebanyak **RM20.00** akan dikenakan sekiranya calon berhasrat untuk memuat turun e-SIJIL bagi MUET yang telah diduduki. Sistem muat turun akan dibuka dalam tempoh 48 jam selepas bayaran dibuat. Caj sebanyak **RM60.00** juga akan dikenakan sekiranya calon **memohon agar MPM membekalkan salinan cetak Sijil MUET** melalui sistem e-SIJIL.
- 16.7 Bagi calon yang ingin mendapatkan Sijil MUET untuk tempoh yang **melebihi lima tahun**, calon hendaklah membuat permohonan ke MPM dengan melengkapkan borang **Permohonan Salinan Sijil MUET (MPM/S2)** yang boleh dimuat turun melalui pautan <https://www/mpm.edu.my>. Untuk mendapat borang MPM/S2, sila klik [di sini](#).

17 RAYUAN PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN UJIAN MeX

- 17.1 Calon yang kurang berpuas hati dengan keputusan ujian yang diperoleh boleh membuat rayuan penyemakan semula keputusan
- 17.2 Caj bagi rayuan penyemakan semula ialah **RM250.00** dan bayaran bagi permohonan ini adalah secara perbankan internet.
- 17.3 Permohonan adalah secara dalam talian di portal MPM atau pautan terus di https://mecea.mpm.edu.my/mex_ss/.
- 17.4 Permohonan dibuka dalam tempoh **tiga (3) hari** daripada hari keputusan MeX mula dimuat naik di portal MPM.
- 17.5 Keputusan rayuan penyemakan semula keputusan ujian MUET boleh disemak di portal MPM atau pautan terus di https://mecea.mpm.edu.my/mex_ss/status/ selepas **dua (2) hari bekerja** dari tarikh tutup permohonan.
- 17.6 MPM hanya akan **mengeluarkan Sijil MUET (e-SIJIL) baharu** kepada calon yang berubah keputusan keseluruhan sahaja.

18 KEHILANGAN SIJIL MeX

- 18.1 Calon yang kehilangan Sijil MUET boleh mendapatkan Sijil MUET melalui sistem e-SIJIL di pautan <https://sijil.mpm.edu.my>. Walau bagaimanapun, permohonan untuk mendapatkan Sijil MUET melalui e-SIJIL adalah terhad kepada ujian MUET yang telah diduduki **dalam tempoh lima tahun ke belakang** sahaja.
- 18.2 Bagi calon yang ingin mendapatkan Sijil MUET untuk tempoh yang melebihi lima tahun, calon hendaklah membuat permohonan ke MPM dengan melengkapkan borang **Permohonan Salinan Sijil MUET (MPM/S2)** yang boleh dimuat turun melalui pautan <https://www.mpm.edu.my>. Untuk mendapat borang MPM/S2, sila klik [di sini](#).